

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Semua Ketua Eksekutif

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PERMOHONAN BANTUAN PELAJAR PENDIDIKAN TINGGI (BPPT) TAHUN 2018 MELALUI PORTAL BANK RAKYAT BAGI PELAJAR YANG TELAH DIPROSES**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan e-mel berikut berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, pihak Kementerian telah selesai memproses maklumat pelajar bagi penerimaan Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) Tahun 2018. Pelajar yang telah diproses adalah senarai pelajar yang telah dikemaskinikan oleh IPTS dalam Sistem e-IPTS sehingga 30 Julai 2018.

3. Bagi pelajar yang layak, pelajar seterusnya perlu membuat permohonan dan semakan di Portal Bank Rakyat. **Tarikh akhir permohonan oleh pelajar di Portal Bank Rakyat adalah pada 30 Ogos 2018 (Khamis). Pelajar boleh membuat semakan dan permohonan** terus menerusi Sistem Bank Rakyat di <https://www.bankrakyat.com.my/bppt>. Kerjasama dan keprihatinan YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(SULIANA BINTI SIRAJUDDIN)**

Ketua Penolong Pengarah Kanan,  
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian,  
Jabatan Pendidikan Tinggi,  
Aras 5, Menara 2, Presint 5 / Level 5, No. 2, Tower 2,  
62200 Putrajaya

Tel : 03-8870 6688

Faks : 03-8870 6856

Emel : [suliana.s@moe.gov.my](mailto:suliana.s@moe.gov.my)